

PERENGKAN ISI KEDUA

Hal ini dikatakan demikian kerana ibu telah melahirkan kita dan ibu bapa telah berkorban membesarkan dan mendidik kita sehingga kita menjadi remaja dan kian dewasa. Janganlah sesekali anak-anak membantah segala suruhan ibu bapa.

Impaknya, jika segala perintah ibu bapa kita patuhi, maka Tuhan akan membalas kebaikan kita.

Sebagai lontaran idea yang kedua, tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang anak terhadap ibu bapanya ialah mentaati segala perintah dan nasihat ibu bapa.

Tegasnya, antara tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang anak terhadap ibu bapanya ialah dengan mentaati segala perintah dan nasihat ibu bapa, bak kata peribahasa syurga di bawah telapak kaki ibu.

Sebagai contoh, segala tugas dan suruhan sama ada di rumah atau di luar rumah hendaklah dilaksanakan dengan penuh ikhlas, contohnya dengan membantu ibu mengemas rumah dan membantu ayah mencuci kereta.

Jelaslah perbuatan mentaati perintah ibu bapa merupakan tanggungjawab wajib dilakukan oleh seorang anak yang soleh dan berakhlak mulia.

ARAHAN : Murid-murid diminta menyusun karangan tersebut mengikut susunan isi yang betul.
